Minda Pengarang

LAUPA JUNUS

Bakat kreativiti yang dipersiakan

RAKYAT Malaysia sebenarnya kreatif dan inovatif, Pedulikan dahulu apa bakat kreatif yang mereka ada sama menguntungkan atau membahayakan.

Hasil kerja tangan rakyat Malaysia bukan calang-calang atau bahasa sekarang bukan 'kaleng-kaleng'.

Seorang lelaki yang digelar MacGyver Malaysia sudah mencipta tidak kurang 1,000 inovasi sepanjang pembabitannya dalam bidang reka cipta sejak kira-kira empat dekad yang lepas.

Lelaki yang dimaksudkan, Zulkifli Haron, 62, menerusi syarikatnya Zull Design Autotronic mencipta pelbagai mesin inovasi bermula dengan ciptaannya agungnya, kenderaan yang boleh bergerak hanya dengan menggunakan arahan suara.

Sehingga hari ini beliau terus mencipta pelbagai mesin terutama berkaitan makanan dan industri kecil dan sederhana (IKS) kerana sentiasa mendapat permintaan.

Beliau belum pernah berfikir untuk berhenti tetapi keluhannya mengenai nasib bakat inovasi tempatan yang menjadi mangsa birokrasi sentiasa menjadi perhatiannya.

Gambarannya adalah inovasi tempatan tidak mendapat perhatian dan sentiasa berdepan dengan birokrasi.

Beliau mengeluh kenapakah perlu kelulusan perancang bandar hanya untuk membina reban ayam.

Begitu banyak kerenah birokrasi oleh agensi kerajaan perlu dihadapi hanya bagi mendapatkan kelulusan atau sijil pengikrtifan dan sebagainya. Itu belum mengambil kira setiap pembangunan sesuatu inovasi itu memerlukan dana yang perlu dipohon daripada mana-mana agensi.

Memupuk dan menyuburkan budaya kreativiti dan inovasi perlu berkonsepkan *trial and error* serta lakukan sendiri (DIY), Belajar daripada kesilapan dan memperbaiki mana-mana barangan atau peralatan rosak merupakan satu latihan asas yang wajib dipraktikkan dalam kalangan generasi muda.

Negara ini tidak ketinggalan dari segi pembangunan bakat inovasi. Sekadar menyebut beberapa contoh, pereka tempatan banyak memenangani anugerah inovasi di luar antaranya Geneva, Korea, Amerika Syarikat dan British.

Hasil inovasi ini perlu diangkat menjadi khazanah penyelidikan untuk dikomersialkan, seterusnya menjana pendapatan. Penyelidikan bertaraf prototaip sekali pun, perlu diberi nilai tambah dan dikomersialkan. Organisasi seperti Persatuan Saintis Malaysia (MARS), Persatuan Usahawan Reka Cipta dan Inovasi Malaysia (Purim) boleh membantu menggerakkan usaha mempromosi hasil reka cipta tempatan untuk dikomersialkan. Dalam masa sama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) perlu membantu mengurangkan karenah birokrasi yang menyekat kreativiti rakyat daripada berkembang. Jangan sampai isu pemacu pena mudah alih (*pendrive*) berulang. Tidak ramai yang tahu , inovasi tersebut merupakan hasil rekaan anak tempatan yang dikomersialkan negara luar.

Laupa Junus ialah Penolong Pengarang Berita *Utusan Malaysia*

Scanned with CamScanner